

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Corp.") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan telah melantik MRT Corp. sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai 'Project Delivery Partner' ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG (KVMRT-SBK)". Projek KVMRT-SBK akan melibatkan pembinaan rangkaian keretapi yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan Rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepadu ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia disamping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

Penender yang berminat untuk membuat tawaran kerja bagi Pakej Kontrak Kerja (seperti tersenarai di bawah) perlu menyerahkan Dokumen Tender yang telah dilengkapkan sepenuhnya.

PINDAAN KEPADA KENYATAAN TENDER

No. Tender	Tajuk Tender	Syarat-Syarat Pemohon	Taklimat Tender & Lawatan Tapak (WAJIB)	Tempat & Tarikh Mula Penjualan Tender Dokumen	Harga Senaskah Dokumen Tender, Borang Pembayaran & Pembayaran Kepada	Tempat Serahan & Tarikh Tutup Tender
MRTCORP/ KVMRT-SBK/UGW - GPL1(R1)/ 06/022/2011	THE RELOCATION OF EXISTING GAS PIPE LINE FOR KL SENTRAL - PACKAGE GPL1	<p>a) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kelas A atau B atau C atau D Kepala IV Sub-Kepala 6 (b) ATAU</p> <p>b) CIDB Gred G7 atau G6 atau G5 atau G4 atau G3 Pengkhususan : CE09 DAN / ATAU</p> <p>c) Lain Lain Pendaftaran / Kelayakan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Tenaga (ST) sebagai Kontraktor Kelas A; dan / atau Sijil Pendaftaran Gas Malaysia</p>	<p>Tarikh : 8 Disember 2011 (Khamis)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat Berkumpul: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur</p> <p>Nota : Wakil - wakil dari penender yang berminat mestilah berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja di atas dan mestilah disahkan oleh Syarikat.</p>	<p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 11, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. 9 Disember 2011 hingga 16 Disember 2011 9.00 pagi hingga 5.00 petang (waktu tempatan) (semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat KECUALI Sabtu, Ahad dan cuti umum)</p>	<p>RM1,500.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus Sahaja) (tidak dipulangkan)</p> <p>Dalam bentuk Postal Order atau Bank Draf / Banker's Cheque</p> <p>Pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)</p>	<p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Pada 22 Disember 2011 sebelum 12.00 tengahari (waktu tempatan)</p>

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan dan di bawah kod pendaftaran seperti yang diperincikan dalam jadual di atas, yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
- Penender juga **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak sepertimana yang dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Tender sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada Penender yang menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan / atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil serta sijil-sijil pendaftaran **PKK, CIDB dan sijil / permit / lesen** dalam bentuk 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)'.
Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dim JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- MRT Corp. adalah tidak terikat untuk menerima harga tender terendah.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03 2096 5150** atau e-mail **procurement@mymrt.com.my**

Size : 18cm x 19.5cm(6col)